

MAHASISWA DAN MASYARAKAT BERPISAH TIADA

Oleh: Muhammad Fathonah bin Fadzil, 1172662,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Maksud perkataan mahasiswa jika kita amati, terdapat dua suku kata yang mempunyai makna yang tersirat.

'Maha' yang membawa maksud berkuasa, dan 'siswa' yang merujuk kepada sekelompok pelajar yang menuntut institusi pengajian tinggi (IPT).

Jika melihat kepada 'Falsafah Mahasiswa Sosialis' yang ditulis oleh Muhammad Alif Najmi, mereka membawa aspirasi 'Suara Mahasiswa' dan perjuangan rakyat marhaen serta masyarakat strata bawahan.

Tambahan pula, mereka lebih cenderung untuk membawa idealisme-idealisme seperti Marxisme, marhaenisme, dan antipenubuhan.

Sekitar lewat 1960-an, suara mahasiswa ketika itu merupakan suara yang paling berpengaruh di universiti tempatan.

Fenomena itu bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia. Mereka banyak turun ke kawasan gelandangan dan rakyat miskin untuk membantu, terutamanya di kawasan kota metropolitan yang sibuk.

Jika direnung semula berkaitan sejarah gerakan mahasiswa di Malaysia pada tahun lalu, ia tidak terhad di dalam kampus atau bilik kuliah semata-mata.

Namun, kemampuan dan keupayaan mereka untuk berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat adalah sangat dituntut supaya mereka sentiasa cakna dengan apa yang berlaku di sekeliling.

Oleh yang demikian, kita sebagai mahasiswa wajar menjadikan idola ummah kita iaitu Nabi Muhammad SAW sebagai panduan utama.

Jika terdapat kejanggalan dalam negara kita yang merobek kehidupan bermasyarakat serta tuntutan-Nya, dengan kemahiran intelektual serta nilai-nilai yang wujud ini,

maka menjadi tanggungjawab kita untuk mengislahkannya sehingga menjadi perubahan intelektual.

Pak Hamka pernah berkata, 'kita banyak membaca, tetapi kita tidak banyak membaca masyarakat.'

Ungkapan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa mendekati masyarakat merupakan satu perkara yang sangat penting terutamanya dalam kalangan mahasiswa.

Zaman mahasiswa adalah zaman kita membina pengalaman dan pengetahuan seluas mungkin sebagai persediaan menghadapi gerak kerja di lapangan yang penuh onak duri.

Kita hidup akan sentiasa memerlukan bantuan dan pertolongan daripada orang lain. Pada masa yang sama, golongan mahasiswa juga perlu sentiasa mendampingi masyarakat dan memahami kehendak mereka.

Pengalaman yang ditimba ketika bersama masyarakat bakal menjadi pedoman yang berguna apabila mahasiswa menamatkan pengajian dan memasuki alam pekerjaan, khususnya dalam bidang-bidang yang melibatkan kebajikan serta kesejahteraan rakyat.